

أنق کونچی شرکا

ANAK KUNCI SYURGA



pengarang/penyusun

**ASY-SYEIKH ABDUL QADIR BIN ‘ABDUL MUTHALIB AL-
INDUNISI AL-MANDILI رحمه الله**

disyarahkan oleh

abu rumaysa Idrus bin Ali bin Sarif al awahi
semoga Allah mengampuninya dan menetapkannya di atas jalan istiqamah

“AQA’ID AL-IMAN”
Nota Kuliah Siri 5 (ms 8-9)



ANAK KUNCI SYURGA

oleh

abu rumaysa Idrus bin Ali bin Sarif al Awahi

Lot 2785 Jalan Limau, Meru Kapar Selangor Darul Ehsan
Hp : +6013-2959766, E-mail : aburumaysa_66@yahoo.com

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ ، نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا ، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ .
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ الْأَوَّامِنَ مُسْلِمُونَ
(al-Imran:102)

يَا أَيُّهَا النَّاسُ اتَّقُوا رَبَّكُمُ الَّذِي خَلَقَكُمْ مِنْ نَفْسٍ وَاحِدَةٍ وَخَلَقَ مِنْهَا زَوْجَكُمْ وَرَبَّتَ مِنْهُمَا رَجُلًا كَثِيرًا وَنِسَاءً وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي تَسَاءَلُونَ بِهِ الْآرْضَ دَرَّامًا ، إِنَّ اللَّهَ كَانَ عَلَيْكُمْ رَقِيبًا .
(An-Nisaa':1)

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ قَوْلًا قَوَلًا سَدِيدًا ، يُصَدِّقْ لَكُمْ أَعْمَالَكُمْ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ ، وَمَنْ يُطِيعِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ فَقَدْ فَازَ فَوْزًا عَظِيمًا
(Al-Ahzab:70-71)

أَمَّا بَعْدُ : فَإِنَّ أَسَدَقَ الْحَدِيثِ كِتَابُ اللَّهِ عَزَّ وَجَلَّ وَأَحْسَنَ الْهَدْيِ هَدْيُ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، وَشَرُّ الْأُمُورِ مُحَدَّثَاتُهَا ، وَكُلُّ مُحَدَّثَةٍ بِدْعَةٌ ، وَكُلُّ بِدْعَةٍ ضَلَالَةٌ ، وَكُلُّ ضَلَالَةٍ فِي النَّارِ .¹

¹ Khutbah ini dinamakan *Khutbatul Hajah*, khutbah pembuka yang biasa dipergunakan Rasulullah *sallallahu 'alaihi wasallam* untuk mengawali setiap majlisnya. Beliau *sallallahu 'alaihi wasallam* juga mengajarkan khutbah ini kepada para sahabat *radiallahu 'anhum*. Khutbah ini diriwayatkan dari enam orang sahabat Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam* *sallallahu 'alaihi wasallam*. Diriwayatkan oleh Imam Ahmad(I/392-393), Abu Daud(no. 1097 dan 2118), an-Nasaai(III/104-105), at-Tirmidzi(n0. 1105), Ibnu Majah (no.1892), al-Hakim(II/182-83), ath-Thayalisi (no.336), Abu Ya'la(no.5211), ad-Darimi(II/142), dan al-Baihaqi (III/214 dan VII/146 dari sahabat Abdullah bin Mas'ud *radiallahu 'anhu*. Hadis ini shahih. Syeikhul Islam Ibnu Taimiyah *rahimahullah* berkata; "Khutbah ini adalah sunnah, dilakukan ketika mengajarkan al-Quran, as-Sunnah, fiqh, menasihati orang dan semacamnya... Sesungguhnya hadis Ibnu Mas'ud *radiallahuanhu* tidak mengkhususkan untuk khutbah nikah sahaja, tetapi khutbah ini pada setiap ada keperluan untuk berbicara kepada hamba-hamba Allah, sebahagian kepada sebahagian yang lainnya..." (*Majmuu' Fatawaa* Syeikhul Islam Ibnu Taimiyyah XVIII/286-287) -dinukil dari buku "Syarah Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jamaah" oleh Yazid bin Abdul Qadir Jawas, ms xix-xx.

Berkata asy Syeikh Abdul Qadir al Mandili *rahimahullah* ;

“AOA’ID AL-IMAN”

TIADA YANG DISEMBAH DENGAN SEBENAR YANG LAIN DARIPADA ALLAH TA’ALA²

1.0 Dan bahawa tiada ada yang disembah dengan sebenar yang lain daripada Allah, kerana firman-Nya:

وَاللَّهُمَّ إِلَهٌ وَاحِدٌ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ ﴿١٦٣﴾

Ertinya : “Tiada ada yang disembah dengan sebenar melainkan Ia jua, dan Ia Tuhan yang memberi nikmat yang sebesar-besar dan yang memberi ni’mat yang kecil-kecil.” (Surah al Baqarah :Ayat 163)³

2.0 Dan bahawa Allah Ta’ala itu Tuhan yang Maha Kuasa, tiada ada sesuatu yang melemahkan akan Dia, kerana firman-Nya :

إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾

Ertinya: “Bahawa Allah Ta’ala itu sangat kuasa atas tiap-tiap sesuatu.” (Surah al Baqarah: Ayat 20)

3.0 Dan bahawa tiada ada melainkan barang yang menghendaki Allah Ta’ala akan adanya, kerana firman-Nya;

إِنَّ اللَّهَ يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ ﴿٧﴾

Ertinya : “Bermula Allah Ta’ala itu sangat memperbuat ia akan barang yang menghendaki Ia akan dia.” (Surah Hud :Ayat 7)

Dan berkata sekalian sahabat Nabi sallallahu’alaihi wa sallam:

مَا شَاءَ اللَّهُ كَانَ وَمَا لَمْ يَشَأْ لَمْ يَكُنْ

Ertinya:” *Barang yang berkehendak Allah Ta’ala akan adanya, nescaya ada ia, dan barang yang tiada berkehendak ia akan adanya, nescaya tiada ada ia.”*

² Dalam teks aslinya yang berbahasa jawi tidak ada tajuk ini. Tajuk ini diberikan oleh pihak yang mentransliterasikan kitab ini iaitu Ustazah Noraine Abu dari aslinya jawi ke tulisan rumi bagi memudahkan tema perbahasan.

³ Telah berlalu perbahasannya pada kuliah sebelum ini, sila rujuk nota ;-“ **Kuliah 04-“Anak Kunci Syurga”-(Syarah ms 8-9)@Abu Rumaysa _9 Rabiul Awal1435H/11 -1-14**

Syarah :

Dalam perbahasan matan yang seterusnya ini, asy Syeikh Abdul Qadir *rahimahullah* ingin menjelaskan kepada kita tentang salah satu dari asas Aqidah yang paling utama iaitu yang berkaitan dengan Rukun Iman iaitu Iman Kepada Qadha' dan Qadar atau Taqdir.

Ini merupakan kesimpulan dari matan;

2.0 Dan bahawa Allah Ta'ala itu Tuhan yang **Maha Kuasa⁴**,tiada ada sesuatu yang melemahkan akan Dia, kerana firman-Nya :

إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾

Ertinya: “Bahawa Allah Ta'ala itu sangat kuasa atas tiap-tiap sesuatu.” (Surah al Baqarah: Ayat 20)

3.0 Dan bahawa tiada ada melainkan barang yang menghendaki Allah Ta'ala akan adanya⁵,kerana firman-Nya;

إِنَّ اللَّهَ يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ ﴿٧﴾

Ertinya : “Bermula Allah Ta'ala itu sangat memperbuat ia akan barang yang menghendaki Ia akan dia.” (Surah Hud :Ayat 7)

Oleh kerana itu tema perbahasan kita kali ini adalah hal yang berkaitan dengan;-

Beriman Dengan Qadha' Dan Qadar atau Taqdir⁶

Sebelum dihuraikan maksud point ke-2 dan ke-3 secara terperinci,insyAllah ada baiknya kita memahami dahulu dengan jelas tentang hal yang berkaitan “**Beriman Dengan Qadha' dan Qadar**” kerana beberapa sebab;-

⁴ Imam Ahmad *rahimahullah* pernah ditanya tentang taqdir lalu katanya;” **Taqdir ialah Kuasa Allah Ta'ala Yang Maha Pemurah**”() maknanya Taqdir adalah segala yang telah ditetapkan oleh Allah Ta'ala seperti mana firman Allah Ta'ala;

i. قُلْ إِنَّ الْأَمْرَ كُلَّهُ لِلَّهِ ﴿١٥٤﴾

“*Sesungguhnya urusan itu seluruhnya di tangan Allah...*” (al Imran 3:154)

ii. فَسُبْحَانَ الَّذِي بِيَدِهِ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيْءٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٨٣﴾

“*Maka Maha Suci (Allah) yang ditangan-Nya kekuasaan atas segala sesuatu dan kepada-Nyalah kamu dikembalikan.*” (Yaasiin 36:83)

⁵ Ini mengisyaratkan akan Iradah Allah Ta'ala yakni Kehendak Allah Ta'ala dan ianya merupakan penetapan(isbat) terhadap Taqdir Allah Ta'ala.

⁶ Asy Syeikh Abdul Qadir *rahimahullah* membahasnya dengan lebih terperinci dengan mendatangkan point-point yang lebih banyak dalam kitabnya yang lain,kitab yang lebih besar/tebal lagi terperinci iaitu “Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf” umpamanya pada point 7,19,20,,23,27,28,51,58&93

- a. Merupakan salah satu dari rukun iman yang wajib diimani oleh setiap muslim.
- b. Mendapatkan kefahaman yang jelas dan tepat seperti mana yang difahami dan dikhabarkan oleh Rasulullah *sallallahu'alaihi wa sallam* kepada umatnya.
- c. Mengelakan dari kekeliruan dan silap faham dalam memahami rukun iman yang satu ini, kerana salah satu punca tersesatnya kelompok-kelompok sesat dari Aqidah Ahlus Sunnah wal Jamaah seperti Qadariah, Muktazilah, Jabariah dan yang seumpamanya adalah dalam perkara ini.
- d. Menjadikan diri kita sebagai seorang yang sentiasa redha atas segala ketentuan taqdir yang telah, sedang dan akan menimpa kita. Semuanya adalah dari Allah Ta'ala.
- e. Memupuk sifat Sabar dan Syukur terhadap segala yang menimpa diri kita khususnya dan orang yang ada kaitan dengan kita atau selainnya.

Beriman Dengan Qadha' Dan Qadar atau Taqdir

Untuk memahami tentang Taqdir⁷ secara lebih terperinci, insyAllah Ta'ala akan dihuraikan berdasarkan tajuk-tajuk berikut agar kita lebih faham dan mendapat penjelasan yang tepat menurut pendapat dan pegangan Ahli Sunnah wal Jamaah⁸ iaitu :

- a. Definisi Taqdir**
- b. Hukum beriman dengan Taqdir**
- c. Tingkatan-Tingkatan Beriman Dengan Taqdir**
- d. Jenis-Jenis Taqdir**
- e. Faedah-Faedah Beriman Dengan Taqdir**

a. Definisi Taqdir⁹

Perbincangan tentang taqdir selalunya melibatkan istilah ***taqdir, qadha' atau qadar***. Tiga istilah yang serupa tetapi tidak sama.

Kaedahnya adalah;

⁷ Untuk memudahkan perbincangan tentang qadha' dan qadar kita gunakan saja istilah taqdir.

⁸ Berkenaan siapakah yang dimaksudkan dengan Ahli Sunnah wal Jamaah, sila rujuk nota penulis yang diedarkan sebelum ini bertajuk : "Kuliah 02-"Anak Kunci Syurga"-Syarah ms 3-6@Abu Rumaysa_5 Muharam 1435H/09-11-13." Boleh didownload di www.assyarifmeru.net "

⁹ Para Ulama berbeza pendapat dalam menjelaskan maksud qadha' dan qadar. Di sini saya mencukupkan dengan definisi yang telah dipermudahkan seperti di atas.

إذا افترقا اجتمعا وإذا اجتمعا افترقا

- ❖ apabila disebut secara berasingan maka maknanya sama dan
- ❖ Apabila disebut secara bersama, maka maknanya berbeza

Maknanya:

- ❖ apabila disebut qadar, qadha' atau taqdir sahaja, maka ia be-erti ilmu, penulisan, kehendak dan penciptaan Allah Ta'ala sejak azali (**before time**) dan perlaksanaannya (**present time**).

Namun

- ❖ apabila disebut secara bersama seperti qadha' dan qadar, maka qadar adalah ilmu, penulisan, kehendak dan penciptaan Allah Ta'ala sejak azali manakala qadha' adalah pelaksanaan qadar tersebut..

Ertinya qadar adalah lebih dahulu dari qadha'.¹⁰

b. Hukum Beriman Dengan Taqdir

Beriman kepada taqdir adalah wajib bagi setiap mukallaf , kerana ia merupakan salah satu dari rukun iman yang ke-enam sepertimana hadis Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam* ;

Jibril 'alaihissalam datang kepada Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam* dan berkata:

أخبرني عن الاءيمان ؟ فقال رسول ﷺ صلى الله عليه وسلم : أليمان أنتؤ من با ﷻ و ملاءكته وكتبه ورسوله واليوم الاخر وتؤ من ببالقدر خيره و شره

"Khabarkanlah kepadaku tentang iman. "Iman adalah engkau beriman kepada Allah, dan malaikat-malaikat-Nya, dan kitab-kitab-Nya, dan dan Rasul-rasul-Nya, dan hari Akhir dan engkau beriman kepada taqdir yang baik maupun yang buruk." (HR Muslim-no.9 dari Umar *radiallahu'anh*)

¹⁰ Imam Ahmad *rahimahullah* pernah ditanya tentang taqdir lalu katanya;” **Taqdir ialah Kuasa Allah Ta’ala Yang Maha Pemurah**”, maknanya Taqdir adalah segala yang telah ditetapkan oleh Allah Ta’ala seperti mana firman Allah Ta’ala;

iii. **قُلْ إِنَّ الْأَمْرَ كُلَّهُ لِلَّهِ**..... ﷻ

“*Sesungguhnya urusan itu seluruhnya di tangan Allah...*” (al Imran 3:154)

iv. **فَسُبْحَانَ الَّذِي بِيَدِهِ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيْءٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ** ﷻ

“*Maka Maha Suci (Allah) yang ditangan-Nya kekuasaan atas segala sesuatu dan kepada-Nyalah kamu dikembalikan.*” (Yaasiin 36:83)

Catatan:

Perhatikan bahawa setelah menyebutkan 'engkau beriman' kepada Allah.....dan hari Akhir,kemudian Nabi *sallallahu 'alaihi wa sallam* mengulangi lagi perkataan '**engkau beriman**' kepada taqdir,padahal sebutan '**engkau beriman**' untuk kali yang pertama sudah mencukupi.

Ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya beriman kepada taqdir, kerana ia merupakan bukti keimanan seseorang kepada Rububiyah Allah Ta'ala di mana diantaranya adalah seseorang itu;

- ❖ mengimani dengan se yakin-yakinnya bahawa Allah Ta'ala -lah satu-satunya sebagai pencipta, Pentadbir, Pemberi rezeki dan pengatur kehidupan makhluk-Nya.
- ❖ Menyakini ilmu,hikmah dan keadilan Allah Ta'ala, di mana tiada yang Dia taqdirkan untuk makhluknya melainkan pasti ada kebaikan,hikmah dan keadilan disebaliknya.

dan juga merupakan keimanan¹¹ terhadap kekuasaan Allah Ta'ala seperti kata para Ulama :

أَلْقَدْرُ قَدْرَةُ اللَّهِ, فَمَنْ جَدَّهُ فَقَدْ جَدَّ قَدْرَةَ اللَّهِ جَلَّ وَعَلَا

"*al Qadar adalah kekuasaan Allah Ta'ala.Barangsiapa menentangny,be-erti menentang kekuasaan Allah Ta'ala.*"

(rujuk *al -Ibanah* karya Ibnu Baththah(2/131),cetakan Daar ar -Raayahli an Nasyr dan "*Manhaj as Sunnah an-Nabawiyah*(3/ 254) cetakan Muasassah Qurthubah.)

Peringatan Penting;

- ❖ *Perbahasan tentang taqdir* tidak boleh melampaui apa yang ada dalam nas-nas dari al Quran dan As-Sunnah.
- ❖ Berdalam-dalam di dalam membahaskan persoalan taqdir akan mengakibatkan kesesatan dan kebingungan, kerana ia merupakan rahsia

¹¹ Oleh itu,beriman kepada taqdir atau 'aqidah qadir, ini sangat erat hubungannya dengan keimanan kita terhadap sifat-sifat Allah Ta'ala yang Maha Tinggi dan nama-nama-Nya Yang Maha Mulia (*al Asma' was Sifat*) seperti Maha Mengetahui (العلم), Maha Berkuasa (القدرة),Maha Berkehendak (الأرادة).

Ini sepertimana Firman Allah Ta'ala:

a. **وَهُوَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ** ﴿٢٩﴾

"Dan Dia Maha Mengetahui Segala sesuatu." (al Baqarah 2:29)

b. **وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ** ﴿٥٧﴾

"Dan Dia Maha Kuasa atas segala sesuatu." (al Hadid57:2)

c. **فَعَالٌ لِّمَا يُرِيدُ** ﴿١٦﴾

Maha Berkuasa melakukan membuat apa yang dikehendakinya." (al Buruuj 85:16)

Allah Ta'ala pada makhluk-Nya. Dan inilah yang ditempuh dan dirasai oleh kelompok-kelompok yang sesat lagi menyimpang seperti *Qadariyah*¹², *Jahmiyyah*¹³, *Muktazilah*¹⁴, *Syiah* dan yang seumpama dengannya!

- ❖ Cukuplah kita mengimaninya dan berjalan bersama-sama dengan nas-nas yang telah dijelaskan oleh para ulama Ahli Sunnah wal Jamaah¹⁵.

c. Tingkatan-Tingkatan Beriman Dengan Taqdir

Perlu kita ketahui bahwa keimanan terhadap taqdir harus mencakup empat prinsip. Keempat prinsip ini harus diimani oleh setiap muslim.

Tingkatan Pertama: (Ilmu)

Mengimani bahwa Allah Ta'ala mengetahui dengan ilmunya yang azali dan abadi tentang segala sesuatu yang terjadi baik perkara yang kecil maupun yang besar, yang nyata maupun yang tersembunyi, baik itu perbuatan yang dilakukan oleh Allah Ta'ala maupun perbuatan makhluknya.

Semuanya terjadi dalam pengilmuan Allah Ta'ala . Firman Allah Ta'ala:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَا يَكُونُ مِنْ نَجْوَى ثَلَاثَةٍ إِلَّا هُوَ رَابِعُهُمْ وَلَا خَمْسَةٍ إِلَّا هُوَ سَادِسُهُمْ وَلَا آدْنَى مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْثَرَ إِلَّا هُوَ مَعَهُمْ أَيْنَ مَا كَانُوا ثُمَّ يُنَبِّئُهُمْ بِمَا عَمِلُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ ﴿٥٧﴾

¹² *Al Qadariyah* :-Adalah kelompok yang menafikan *al-Qadar*.Orang yang pertama kali berbicara tentang masalah tersebut adalah 'Amr bin 'Ubaid dan Washil bin Atha',kedua-duanya adalah mantan murid al Hassan al Bashri *rahimahullah* yang kemudiannya memisahkan diri dari majlisnya.

¹³ *Al-Jahmiyyah* :- Mereka adalah pengikut *al Jahm bin Shafwan* yang mengatakan “Hamba tidak memiliki pilihan dan kehendak,melainkan dipaksa atas apa yang terjadi pada dirinya bukan menurut pilihannya.”

¹⁴ *Al Muktazilah*:- Adalah kelompok *al Qadariyah* yang menafikan taqdir dengan mengatakan;-“*Sesungguhnya seorang hamba menciptakan perbuatan dirinya sendiri!Dan segala perkara yang baru,tidak ditaqdirkan oleh allah Ta'ala!*Maka perbuatan hamba,mereka itulah yang mengadakannya sendiri,tiada keinginan dan kehendak Allah Ta'ala padanya.

¹⁵ **Ahlu Sunnah wal Jamaah** berada di tengah-tengah di antara pelbagai kelompok sesat tersebut di mana mereka mengatakan;

“*Segala sesuatu terjadi dengan qadha' dan qadar Allah Ta'ala.Diantaranya adalah perbuatan hamba,maka itu adalah makhluk.Perbuatan tersebut adalah perbuatan hamba berdasar pilihan dan kehendaknya;kerana hamba memiliki kehendak dan pilihan.Tetapi dia tidak lepas dari kehendak Allah Ta'ala sebagaimana yang dikatakan oleh al-Qadariyyah,dan tidak pula dipaksa,sebagaimana yang dikatakan oleh al-Jabriyyah.*

Bahkan dia mengerjakan segala sesuatu menurut pilihannya dan murni kehendaknya;kerana itu dia diberi pahala atas perbuatan baiknya dan dihukum atas perbuatan buruknya;kerana dia berbuat berdasarkan keinginan dan kehendaknya.”

"*Tidakkah kamu perhatikan, bahwa sesungguhnya Allah Ta'ala mengetahui apa yang ada di langit dan apa yang ada di bumi. Tiada perbincangan rahsia di antara tiga orang, melainkan Dia-lah yang keempatnya. Dan tiada (pembicaraan antara) lima orang, melainkan Dia-lah yang keenamnya. Dan tidak pula pembicaraan antara (jumlah) yang kurang dari itu atau lebih banyak, melainkan Dia ada bersama mereka di manapun mereka berada.*" (al Mujaadilah:7)

إِنَّ اللَّهَ لَا يَخْفَىٰ عَلَيْهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ ﴿٥﴾

"*Sesungguhnya bagi Allah tidak ada satu pun yang tersembunyi di bumi dan tidak (pula) di langit.*" (al Imran:5)

Kesimpulannya, Ilmu Allah Ta'ala mencangkup apa yang telah terjadi, sedang terjadi dan apa yang akan terjadi (belum terjadi). Sesungguhnya Allah Ta'ala Maha Mengetahui. Kesemuanya masuk di dalam ilmu Allah Ta'ala yang mencangkup dan meliputi segala sesuatu.

Tingkatan Kedua: (al-Khitabah)

Mengimanai bahwa Allah Ta'ala telah menulis dalam Lauhul Mahfudz catatan taqdir segala sesuatu sampai hari kiamat.

Tidak ada sesuatupun yang sudah terjadi maupun yang akan terjadi kecuali telah tercatat di *al Lauhul Mahfuz* (lah ialah tempat menulis yang terpelihara yang diciptakan-tidak ada yang mengetahuinya tentang bagaimana bentuknya dan luasnya kecuali Allah Ta'ala)¹⁶. *Al Lauhul Mahfuz* berada di sisi-Nya, kita mengimaninya dan mengimani terhadap penulisan taqdir segala sesuatu)

Dalil bagi prinsip ini terdapat dalam Al Qur'an dan As Sunnah. Dalam Al Qur'an, Allah Ta'ala berfirman,

أَلَمْ تَعْلَمْ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ إِنَّ ذَلِكَ فِي كِتَابٍ ﴿٧٠﴾ إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ



"*Apakah kamu tidak mengetahui bahwa sesungguhnya Allah Ta'ala mengetahui apa saja yang ada di langit dan di bumi?; bahwasanya yang demikian itu terdapat dalam sebuah kitab (Lauh Mahfuzh). Sesungguhnya yang demikian itu amat mudah bagi Allah'.*" (Al Hajj:70).

¹⁶ Di dalam al Quran dan As Sunnah, *Lauh al Mahfudz* juga disebut dengan *al-Zikr*, *al-Imam al-Mubin*, *Umm al-Kitab* dan *al-Kitab al-Mubin*.

﴿ وَعِنْدَهُ مَفَاتِحُ الْغَيْبِ لَا يَعْلَمُهَا إِلَّا هُوَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ وَمَا تَسْقُطُ مِنَ وَرَقَةٍ

إِلَّا يَعْلَمُهَا وَلَا حَبَّةٍ فِي ظُلْمَتِ الْأَرْضِ وَلَا رَطْبٍ وَلَا يَابِسٍ إِلَّا فِي كِتَابٍ مُبِينٍ ﴿٥٩﴾

"Dan pada sisi Allah-lah kunci-kunci semua yang ghaib; tidak ada yang mengetahuinya kecuali Dia sendiri, dan Dia mengetahui apa yang di daratan dan di lautan, dan tiada sehelai daun pun yang gugur melainkan Dia mengetahuinya (pula), dan tidak jatuh sebutir biji-pun dalam kegelapan bumi, dan tidak sesuatu yang basah atau yang kering, melainkan tertulis dalam kitab yang nyata (Lauh Mahfudz)" (QS. Al An'am:59).

Sedangkan dalil dari As Sunnah, di antaranya adalah sabda Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam*:

كَتَبَ اللَّهُ مَقَادِيرَ الْخَلَائِقِ قَبْلَ أَنْ يَخْلُقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ خَمْسِينَ أَلْفَ سَنَةٍ وَعَرَّ شَهَ عَلَى الْمَاءِ

"... Allah Ta'ala telah menuliskan(menetapkan) taqdir untuk setiap makhluk sejak lima puluh ribu tahun sebelum penciptaan langit dan bumi dan 'Arsy-Nya di atas air". (HR Muslim dari Abdullah bin Amr bin 'al Ash *radiallahu'anh*)

Tingkatan Ketiga: (*Masyi'ah dan Iradah*)

Mengimani bahwa Kehendak Allah Ta'alameliputi segala sesuatu, baik yang terjadi maupun yang tidak terjadi, baik perkara besar maupun kecil, baik yang nampak maupun yang tersembunyi, baik yang terjadi di langit maupun di bumi.

Semuanya terjadi atas kehendak Allah Ta'ala, baik itu perbuatan Allah Ta'ala sendiri maupun perbuatan makhluknya.

Firman Allah Ta'ala:

فَعَالٌ لِّمَا يُرِيدُ ﴿١٦﴾

"Maha Kuasa Allah berbuat apa yang dikehendaki-Nya." (al Buruj:16)

﴿ وَمَا تَشَاءُونَ إِلَّا أَنْ يَشَاءَ اللَّهُ رَبُّ الْعَالَمِينَ ﴿٢٩﴾

"Dan kamu tidak dapat menghendaki(menempuh jalan itu),kecuali apabila dikehendaki Allah Ta'ala,Rabb sekalian alam." (at Takwir:29)

Kesimpulannya : Segala sesuatu yang terjadi telah dikehendaki,diinginkan dan diciptakan oleh Allah Ta'ala setelah Dia mengetahui dan menuliskannya di *al Lauhul Mahfuz*.

Tingkatan Keempat: *(al Khalq).*

Mengimani dengan Penciptaan dan Pengadaan Oleh Allah Ta'ala

Allah Ta'ala menciptakan segala sesuatu baik yang besar maupun kecil, yang nyata dan tersembunyi. Ciptaan Allah Ta'ala mencakup segala sesuatu dari bagian makhluk beserta sifat-sifatnya. Perkataan dan perbuatan makhluk pun termasuk ciptaan Allah Ta'ala.

Dalil prinsip ini adalah firman Allah Ta'ala .

اللَّهُ خَلِقُ كُلِّ شَيْءٍ ۖ وَهُوَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ وَكِيلٌ ﴿٦٢﴾ لَهُ مَقَالِيدُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ ۚ
وَالَّذِينَ كَفَرُوا بِآيَاتِ اللَّهِ أُولَٰئِكَ هُمُ الْخَاسِرُونَ ﴿٦٣﴾

"Allah menciptakan segala sesuatu dan Dia memelihara segala sesuatu. Kepunyaan-Nyalah kunci-kunci (perbendaharaan) langit dan bumi. Dan orang-orang yang kafir terhadap ayat-ayat Allah, mereka itulah orang-orang yang merugi." (QS. Az Zumar 62-63).

وَاللَّهُ خَلَقَكُمْ وَمَا تَعْمَلُونَ ﴿٩٦﴾

"Padahal Allah-lah yang menciptakan kamu dan apa yang kamu perbuat itu." (As Shafat:96).

Kesimpulannya:

- i. Kita beriman bahawa Allah Ta'ala Maha Mengetahui segala apa yang akan terjadi.
- ii. Bagi-Nya tidak ada sesuatu pun yang tersembunyi. Lalu berdasarkan ilmu-Nya yang Maha Luas itu diperintahkanNya qalam agar menulis apa saja yang akan berlaku hingga hari kiamat.
- iii. Kita juga beriman bahawa kehendak Allah Ta'ala mengatasi segala kehendak makhluknya.
- iv. Apa sahaja yang dikehendaki Allah Ta'ala pasti berlaku dan apa sahaja yang Dia tidak kehendaki pasti tidak akan berlaku.
- v. Kita juga yakin bahawa manusia juga ada kehendak dan kemahuan, tetapi kehendak manusia tertakluk kepada kehendak Allah Ta'ala.
- vi. Kita beriman bahawa Allah Ta'ala Maha Pencipta. Tidak ada satu pun di langit dan di bumi melainkan Allah Ta'ala-lah yang menciptakannya. Malahan Allah Ta'ala bukan sahaja mencipta manusia tetapi juga yang dilakukan oleh manusia (perbuatan manusia)

d. Jenis-Jenis Taqdir¹⁷

Perlu diketahui taqdir terdiri dari beberapa jenis atau kategori, iaitu;

[1] Taqdir Azali.

Yakni ketetapan Allah Ta'ala sebelum penciptaan langit dan bumi ketika Allah Ta'ala menciptakan Qalam (pena). Allah Ta'ala berfirman,

قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿٥١﴾

"Katakanlah: "Sekali-kali tidak akan menimpa kami melainkan apa yang telah ditetapkan Allah untuk kami. Dialah Pelindung kami, dan hanya kepada Allah orang-orang yang beriman harus bertawakal." (At Taubah:51)

Rasulullah *shalallahu 'alaihi wa salaam* bersabda, "... Allah Ta'ala telah menetapkan taqdir untuk setiap makhluk sejak lima puluh ribu tahun sebelum penciptaan langit dan bumi".

[2] Taqdir Kitaabah.

Yakni pencatatan perjanjian ketika manusia ditanya oleh Allah Ta'ala : " **Bukankah Aku Tuhan kalian?**"

Allah Ta'ala berfirman,

وَإِذْ أَخَذَ رَبُّكَ مِنْ بَنِي آدَمَ مِنْ ظُهُورِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَأَشْهَدَهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ أَلَسْتُ بِرَبِّكُمْ قَالُوا بَلَىٰ شَهِدْنَا أَن تَقُولُوا يَوْمَ الْقِيَامَةِ إِنَّا كُنَّا عَنْ هَذَا غَافِلِينَ ﴿١٧٢﴾ أَوْ تَقُولُوا إِنَّمَا أَشْرَكَ آبَاؤُنَا مِنْ قَبْلُ وَكُنَّا ذُرِّيَّةً مِّنْ بَعْدِهِمْ أَفَتُهْلِكُنَا بِمَا فَعَلَ الْمُبْطِلُونَ ﴿١٧٣﴾

"Dan (ingatlah), ketika Tuhanmu mengeluarkan keturunan anak-anak Adam dari sulbi mereka dan Allah Ta'alamengambil kesaksian terhadap jiwa mereka (seraya berfirman): "Bukankah Aku ini Tuhanmu?" Mereka menjawab: "Betul (Engkau Tuban kami), kami menjadi saksi". (Kami lakukan yang demikian itu) agar di hari kiamat kamu tidak mengata-kan: "Sesungguhnya kami (bani Adam) adalah orang-orang yang lengah terhadap ini (keesaan Tuhan)". atau agar kamu tidak

¹⁷ Pembahagian yang lain adalah kepada 2 jenis taqdir iaitu;-

a. Taqdir Mubram

Ini ialah jenis taqdir yang muktamad dan ia tertulis di al-Lauh al Mahfudz. Tidak ada apa-apa pengurangan, penambahan atau perubahan kepada taqdir ini. (sama dengan *Taqdir Azali*)

b. Taqdir Mu'allaq

Ini ialah taqdir yang tertulis dalam catatan para malaikat. Dengan kehendak Allah Ta'ala, taqdir ini boleh tetap dan boleh berubah bergantung kepada sebab-sebab yang diusahakan oleh manusia. (*muallaq* ertinya tergantung)

mengatakan: "Sesungguhnya orang-orang tua kami telah mempersekutukan Tuhan sejak dahulu, sedang kami ini adalah anak-anak keturunan yang (datang) sesudah mereka. Maka apakah Engkau akan membinasakan kami karena perbuatan orang-orang yang sesat dahulu ?" (Al A'raaf 172-173).

[3] Taqdir 'Umri.

Yakni ketetapan Allah Ta'ala ketika penciptaan nutfah di dalam rahim, telah ditentukan jenis kelaminnya, ajal, amal, susah senangnya, dan rizkinya. Semuanya telah ditetapkan, tidak akan bertambah dan tidak berkurang.

Allah Ta'ala berfirman;

يَتَأَيُّهَا النَّاسُ إِن كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّنَ الْبَعْثِ فَاِنَّا خَلَقْنٰكُمْ مِّن تَرَابٍ ثُمَّ مِّن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِّن عِلْقَةٍ
ثُمَّ مِّن مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَعَيْرٍ مُّخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ ۗ وَنُقِرُّ فِي الْاَرْضِ حَامِرٍ مَّا نَشَاءُ اِلَىٰ اَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ
نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوْا اَشَدَّكُمْ ۗ وَمِنْكُمْ مَّن يُتَوَفَّىٰ وَمِنْكُمْ مَّن يُرَدُّ اِلَىٰ اَزْدَلِ الْعُمْرِ
لِكَيْلًا يَعْلَمُ مِنْۢ بَعْدِ عِلْمٍ شَيْئًا ۗ وَتَرَى الْاَرْضَ هَامِدَةً فَاِذَا اُنزِلْنَا عَلَيْهَا الْمَاءَ اهْتَزَّتْ
وَرَبَّتْ وَاُنْبَتَتْ مِنْۢ كُلِّ زَوْجٍ بَهِيجٍ ﴿٥﴾

"Hai manusia, jika kamu dalam keraguan tentang kebangkitan (dari kubur), maka (ketahuilah) sesungguhnya Kami telah menjadikan kamu dari tanah, kemudian dari setetes mani, kemudian dari segumpal darah, kemudian dari segumpal daging yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna, agar Kami jelaskan kepada kamu dan Kami tetapkan dalam rahim, apa yang Kami kehendaki sampai waktu yang sudah ditentukan, kemudian Kami keluarkan kamu sebagai bayi, kemudian (dengan beransur-ansur) kamu sampailah kepada kedewasaan, dan di antara kamu ada yang diwafatkan dan (adapula) di antara kamu yang dipanjangkan umurnya sampai nyanyuk, supaya dia tidak mengetahui lagi sesuatupun yang dahulunya telah diketahuinya. Dan kamu lihat bumi ini kering, kemudian apabila telah Kami turunkan air di atasnya, hiduplah bumi itu dan suburlah dan menumbuhkan berbagai macam tumbuh-tumbuhan yang indah."

(Al Hajj:5)

عَنْ أَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ : حَدَّثَنِي رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَهُوَ الصَّادِقُ الْمَصْدُوقُ : إِنَّ أَحَدَكُمْ يُجْمَعُ خَلْقُهُ فِي بَطْنِ أُمِّهِ أَرْبَعِينَ يَوْمًا نُّطْفَةً، ثُمَّ يَكُونُ عِلْقَةً مِّثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يَكُونُ مُضْغَةً مِّثْلَ ذَلِكَ، ثُمَّ يُرْسَلُ إِلَيْهِ الْمَلَكُ فَيَنْفُخُ فِيهِ الرُّوحَ، وَيَوْمَئِذٍ يَأْرَبُ كَلِمَاتٍ : يَكْتُبُ رِزْقَهُ وَأَجَلَهُ وَعَمَلَهُ وَشَقِيًّا أَوْ سَعِيدًا. فَوَاللَّهِ الَّذِي لَا إِلَهَ غَيْرُهُ إِنَّ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ حَتَّىٰ مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ فَيَدْخُلُهَا، وَإِنْ أَحَدَكُمْ لَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ النَّارِ حَتَّىٰ مَا يَكُونُ بَيْنَهُ وَبَيْنَهَا إِلَّا ذِرَاعٌ فَيَسْبِقُ عَلَيْهِ الْكِتَابُ فَيَعْمَلُ بِعَمَلِ أَهْلِ الْجَنَّةِ فَيَدْخُلُهَا

Dari Abu Abdurrahman Abdullah bin Mas'ud *radiallahuanhu* beliau berkata : Rasulullah *sallallahu'alaihi wa sallam* menyampaikan kepada kami dan beliau adalah orang yang benar dan dibenarkan : *"Sesungguhnya setiap kalian dikumpulkan penciptaannya di perut ibunya sebagai setetes mani selama empat puluh hari, kemudian berubah menjadi setetes darah selama empat puluh hari, kemudian menjadi segumpal daging selama empat puluh hari. Kemudian diutus kepadanya seorang malaikat lalu ditiupkan padanya ruh dan dia diperintahkan untuk menetapkan empat perkara : menetapkan rizkinya, ajalnya, amalnya dan kecelakaan atau kebahagiaannya. Demi Allah yang tidak ada Ilah selain-Nya, sesungguhnya di antara kalian ada yang melakukan perbuatan ahli surga hingga jarak antara dirinya dan surga tinggal sehasta akan tetapi telah ditetapkan baginya ketentuan, dia melakukan perbuatan ahli neraka maka masuklah dia ke dalam neraka. sesungguhnya di antara kalian ada yang melakukan perbuatan ahli neraka hingga jarak antara dirinya dan neraka tinggal sehasta akan tetapi telah ditetapkan baginya ketentuan, dia melakukan perbuatan ahli surga maka masuklah dia ke dalam surga.*(Riwayat Bukhori no. 3208).

[5] Taqdir Hauli.

Yakni taqdir yang Allah Ta'ala tetapkan pada malam Lailatul Qadar, Allah Ta'ala menetapkan segala sesuatu yang terjadi dalam satu tahun. Allah Ta'ala berfirman,

حَمِّ ۝ وَالْكِتَابِ الْمُبِينِ ۝ إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُبْرَكَةٍ ۚ إِنَّا كُنَّا مُنذِرِينَ ۝ فِيهَا يُفْرَقُ
كُلُّ أَمْرٍ حَكِيمٍ ۝ أَمْرًا مِّنْ عِنْدِنَا ۚ إِنَّا كُنَّا مُرْسِلِينَ ۝

"Haa miim .Demi Kitab (Al Qur'an) yang menjelaskan, sesungguhnya Kami menurunkannya pada suatu malam yang diberkahi dan sesungguhnya Kami-lah yang memberi peringatan. Pada malam itu dijelaskan segala urusan yang penuh hikmah , (yaitu) urusan yang besar dari sisi Kami. Sesungguhnya Kami adalah Yang mengutus rasul-rasul" (Ad Dukhaan:1-5)

[6] Taqdir Yaumi.

Yakni penentuan terjadinya taqdir pada waktu yang telah ditaqdirkan sebelumnya. Allah Ta'ala berfirman,

يَسْأَلُهُ مَنْ فِي السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ كُلَّ يَوْمٍ هُوَ فِي شَأْنٍ ۝

"Semua yang ada di langit dan bumi selalu meminta kepadaNya. Setiap waktu Dia dalam kesibukan ." (Ar Rahmaan: 29).

Ibnu Jarir meriwayatkan dari Munib bin Abdillah bin Munib Al Azdiy dari bapaknya berkata, "Rasulullah membaca firman Allah Ta'ala" **Setiap waktu Dia dalam kesibukan**", maka kami bertanya: Wahai Rasulullah apakah kesibukan yang dimaksud? Rasulullah *sallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda :"**Allah Ta'ala**

mengampuni dosa, menghilangkan kesusahan, dan meninggikan suara serta merendahkan suara yang lain” . (Sumber rujukan : Diringkas dari kitab Ma’arijul Qabul mukasurat 503-509,Syeikh Hafiz Hakami,penerbit Darul Kutub `Ilmiyah,cetakan pertama 1424H/2004)

e. Faedah-Faedah Beriman Dengan Taqdir

Keimanan yang benar terhadap taqdir akan membuahkan hal-hal penting, di antaranya sebagai berikut :

Pertama: Kita akan selalu hanya bersandar/bergantung kepada Allah Ta’ala ketika melakukan berbagai sebab, dan tidak bersandar kepada sebab itu sendiri. Karena segala sesuatu tergantung pada taqdir Allah Ta’ala.

Contoh Penerapan :

i. Menyandarkan kepada sebab semata-mata :

- Apabila anak kita berjaya lulus dalam peperiksaan, lazimnya kita akan berkata, “ Sekolah dan guru-guru di sekolah tersebut amat bagus kerana telah mengadakan pelbagai program/tuisyen untuk persiapan peperiksaan,namun apabila gagal lazimnya kita akan berkata, “ Program /tuisyen yang diadakan oleh pihak sekolah nampaknya tidak berkesan dan tak nampak hasilnya untuk meningkatkan kelulusan para pelajar!

ii. Menyandarkan kepada Allah Ta’ala

- Apabila anak kita Berjaya lulus dalam peperiksaan, kita akan berkata.
” ما شاء الله لا قوة الا بالله (***Tidak ada kekuatan melainkan dengan kehendak Allah Ta’ala***,Sekolah dan guru-guru di sekolah tersebut amat bagus kerana telah mengadakan pelbagai program/tuisyen untuk persiapan peperiksaan.
- Apabila anak kita gagal dalam peperiksaan, kita akan berkata pula
قدر الله وما شاء فعل (***Taqdir Allah Ta’aladan apa yang Allah Ta’ala kehendaki pasti terjadi***).Selepas ini kita akan memberi cadangan kepada pihak sekolah bagaimana memperbaiki program tuisyen yang akan datang.

Kedua: Seseorang tidak sombong terhadap dirinya sendiri ketika tercapai tujuannya, kerana keberhasilan yang ia dapatkan merupakan nikmat dari Allah Ta’ala, berupa sebab-sebab kebaikan dan keberhasilan yang memang telah ditaqdirkan oleh Allah Ta’ala. Kekaguman terhadap dirinya sendiri akan melupakan dirinya untuk mensyukuri nikmat tersebut.

وَمَا بِكُمْ مِنْ نِعْمَةٍ فَمِنَ اللَّهِ ﴿٥٣﴾

"Dan apa saja nikmat yang ada pada kamu, maka dari Allah-lah datangnya." (an-Nahl:53)

Ketiga: Munculnya ketenangan dalam hati terhadap taqdir Allah Ta'ala yang menimpa dirinya, sehingga dia tidak bersedih atas hilangnya sesuatu yang dicintainya atau ketika tetimpa musibah atau sesuatu yang dibencinya. Sebab semuanya itu terjadi dengan ketentuan Allah Ta'ala.

Allah Ta'ala berfirman :

مَا أَصَابَ مِنْ مُصِيبَةٍ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي أَنْفُسِكُمْ إِلَّا فِي كِتَابٍ مِّن قَبْلِ أَنْ نَبْرَأَهَا إِنَّ ذَلِكَ عَلَى اللَّهِ يَسِيرٌ ﴿١١٠﴾ لِكَيْلَا تَأْسَوْا عَلَىٰ مَا فَاتَكُمْ وَلَا تَفْرَحُوا بِمَا آتَاكُمْ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ ﴿١١١﴾

Tersemat dijiwanya sifat Redha, Sabar dan Syukur terhadap segala ketentuan yang menimpa dirinya dan ini sungguh merupakan kemuliaan bagi dirinya sehinggakan Nabi *sallallahu'alaihi wa sallam* bersabda:

عجبا لأمر المؤمن إن أمره كله خير، إنه لا يؤمن إن أصابته سرة شكر، فكان غير له، وإن أصابته ضراء صبر، فكان غير له

"Sungguh menakjubkan urusan seorang mukmin, semua urusannya baik baginya dan kebaikan itu tidak dimiliki oleh selain seorang mukmin. Apabila mendapat kesenangan dia bersyukur dan itulah yang terbaik untuknya. Dan apabila mendapat musibah ia bersabar dan itulah yang terbaik untuknya."

(HR Muslim no.7500 dari Shuhaib *radiallahu'anhu*)

Selesailah penjelasan berkaitan Qadha dan Qadar atau Taqdir.

Wallahhu'alam walhamdulillah.

Semoga bermanfaat nota penjelasan terhadap matan ini dan apa yang telah disampaikan dapat difahami dengan jelas dan benar. Sekiranya **ditemui sebarang kemusykilan atau kesilapan** harap tuan/puan dapat **segera memaklumkan kepada saya** agar dapat diperbetulkan dengan segera.

Catatan:

Saya banyak mendapat manfaat dalam memahami dan membahaskan tajuk ini berdasarkan buku-buku berikut;

- Syaikhul Islam Ibnu Taimiyah, **Syarah Aqidah Wasithiyah**, Media Tarbiyah, 1430H
- Ibn Abil Izz al Hanafi, **Syarah Aqidah Thahawiah** jil.1, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007
- Syekh Ibrahim Al-Laqqoni, **Permata Ilmu Tauhid**, Pustaka Jiwa, 2011

- d. Syeikh Abdul Qadir b. 'Abdul Muthalib Al-Indunisi Al-Mandili, **Perisai Bagi Sekalian Mukallaf atau Simpulan Iman Atas Mazhab Salaf**, Al-Hidayah, 2012
- e. Hafiz Firdaus, **47 Persoalan Qadar & Qadha'**, Jahabersa, 2011
- f. Dan beberapa website di internet!

(Semoga Allah Ta'ala membalas mereka kesemuanya dengan kebaikan dan pahala berterusan)

Sebagai *tholabul 'ilm*, sangat-sangat disarankan berusaha untuk memiliki buku-buku yang saya senaraikan di atas untuk bacaan serta rujukan lanjut bagi lebih memahami apa yang disampaikan.....sekiranya timbul sebarang kemusykilan bersegeralah mendapatkan klarifikasi/penjelasan dari saya atau para asatizah yang lain.

InsyAllah seterusnya kita akan masuk membahaskan matan;

2.0 Dan bahawa Allah Ta'ala itu Tuhan yang Maha Kuasa, tiada ada sesuatu yang melemahkan akan Dia, kerana firman-Nya :

إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿٢٠﴾

Ertinya: "Bahawa Allah Ta'ala itu sangat kuasa atas tiap-tiap sesuatu." (Surah al Baqarah: Ayat 20)

3.0 Dan bahawa tiada ada melainkan barang yang menghendaki Allah Ta'ala akan adanya, kerana firman-Nya;

إِنَّ اللَّهَ يَفْعَلُ مَا يُرِيدُ ﴿٧﴾

Ertinya : "Bermula Allah Ta'ala itu sangat memperbuat ia akan barang yang menghendaki Ia akan dia." (Surah Hud : Ayat 7)

Dan berkata sekalian sahabat Nabi sallallahu 'alaihi wa sallam:

مَا شَاءَ اللَّهُ كَانَ وَمَا لَمْ يَشَأْ لَمْ يَكُنْ

Ertinya: "Barang yang berkehendak Allah Ta'ala akan adanya, nescaya ada ia, dan barang yang tiada berkehendak ia akan adanya, nescaya tiada ada ia."

Perhatian:

Nota seterusnya akan diedarkan pada kuliah yang akan datang, insyAllah.

Renungan Buat Diri : **Sebuah Pesan Dari al Imam asy Syafie rahimahullah**

أَحْيِي لَنْ تَنَالَ الْعِلْمَ إِلَّا بِسِتَّةٍ سَأْتِيكَ عَنْ تَفْصِيلِهَا بَيَانٍ
ذِكَاةً، وَجُرُؤًا، وَاجْتِهَادًا، وَبُلْغَةً وَصُحْبَةَ أُسْتَاذٍ، وَطَوَّلَ زَمَانٍ

Saudaraku, engkau tidak akan mendapat Ilmu, melainkan dengan Enam perkara.
Ku khabarkan kepadamu perinciannya dengan jelas
Kecerdasan, kemahuan keras, bersungguh-sungguh, bekal yang cukup,
Bimbingan Ustaz, dan masa yang lama.